

BAB 6

KESIMPULAN

Hubungan antarabangsa hari ini bukan sahaja berteraskan kepada kekuatan ketenteraan dan peralatan persenjataan sesebuah negara sahaja. Dalam dunia yang semakin global sifatnya, sesebuah negara memerlukan kebijaksanaan individu yang terpilih dan terlatih bagi menghadapi persoalan-persoalan yang wujud antara negara yang berinteraksi. Perlantikan golongan *The chosen few*, khususnya dalam *Kementerian Luar Negeri* akan menentukan imej dasar luar sesebuah negara. Sesebuah negara tertakluk kepada satu bentuk undang-undang antarabangsa, iaitu satu kumpulan peraturan yang mengatur perhubungan dan menentukan hak serta kewajipan bagi setiap negara. Ini merujuk kepada perhubungan sebenar yang berlaku di seberang sempadan-sempadan nasional yang telah ditetapkan.

Sebarang tindakan oleh pembuat dasar di Singapura, bertujuan untuk menyelesaikan masalah atau menganjurkan sesuatu perubahan pada persekitaran sistem yang wujud itu. Dasar yang diwujudkan ini bukan dilakukan atas satu-satu keputusan sahaja, tetapi lahir daripada satu deretan keputusan yang terkumpul. Ini dilakukan untuk menyesuaikan matlamat, nilai dan kepentingannya berdasarkan keadaan

serta ciri-ciri persekitaran yang berlaku dalam dan luar negeri. Biasanya dalam hubungan antara Singapura dengan negara luar, Kementerian Luar Singapura akan mengkaji semula matlamat mereka berdasarkan keadaan yang berubah-berubah. Begitu juga dengan sambutan yang berbeza-beza dari negara asing. Matlamat dan strategi perundingan diplomatik tertakluk kepada penggubalan tertentu berdasarkan maklumat dan penilaian oleh diplomat yang bertugas di seberang laut. Ini meliputi pelbagai tindakan dan isyarat yang dilakukan oleh kerajaan antara satu sama lain. Ini selaras dengan kenyataan Martin Wight yang menganggap bahawa "*Diplomacy is the system and the art of communication between powers*"¹.

Sehubungan dengan ini, sistem antarabangsa yang wujud menganggap bahawa perubahan dalam mana-mana bahagian yang berinteraksi akan menyebabkan komponen-komponen lain turut berubah. Oleh itu, untuk melindungi kepentingan keselamatan, kedaulatan, keutuhan wilayah perairan dan kebijakan ekonomi negara, sudah pasti wujud beberapa konflik antara negara lain atas perbezaan prinsip. Namun begitu, dalam banyak keadaan kepentingan negara harus diutamakan terlebih dahulu. Gabungan hasil daripada pengembangan beberapa elemen tertentu membolehkan Singapura membuat satu *take off* yang cukup mengagumkan kepada seluruh dunia. S. Dhanabalan menganggap bahawa keupayaan para diplomat dalam arena antarabangsa merupakan asas yang paling utama bagi kemajuan Singapura. Beliau menganggap bahawa;

*"The conduct of foreign policy is like navigating a ship through dangerous waters. Our fundamental aim is, and will remain, to avoid shipwreck. But, as we proceed in the 1980's, changes in the structure and processes of international politics have given us the opportunity, as well as made it necessary, to steer a more positive course. We cannot be solely at the mercy of the tides and the winds. History will not forgive us if we do"*².

Kejayaan Singapura dengan daya saing yang tinggi ini berdasarkan kepada peranan kerajaan yang memberi penekanan kepada kemudahan infrastruktur yang terbaik kepada masyarakat. Begitu juga dengan kemasukkan teknologi asing yang berterusan selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Kerajaan juga memastikan agar pengedalian sistem kewangan yang terbaik hasil gabungan pihak swasta dengan pihak kerajaan. Sesuai dengan ini, keadaan politik yang kukuh hasil daripada sistem satu parti dengan kestabilan masyarakat yang berterusan amat diutamakan. Kerajaan juga memberi penekanan kepada sistem pendidikan. Galakkan kuat bekerja di kalangan masyarakat serta kesetiaan kepada negara dan mempunyai semangat kesepaduan yang tinggi juga diutamakan³.

Selepas menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri, Goh Chok Tong telah menyatakan bahawa terdapat sembilan keadaan yang dapat menentukan kelangsungan hidup masyarakat Singapura. Perlu wujudnya sistem pendidikan yang terbaik, gaya hidup yang sihat, keharmonian kaum, simpanan kewangan yang kukuh, hasil pengeluaran yang tinggi, semangat pengusahawanan, angkatan bersenjata yang mantap, kerajaan yang baik dan aturan hidup yang

sempurna⁴. Hasil daripada sistem kewangan yang kukuh dengan penekanan kepada R & D, Singapura telah berjaya melahirkan sebuah negara industri yang baru. Intipati usaha R & D ini ialah pengkajian yang terus menerus dalam pengurusan penggunaan sumber manusia ke arah peningkatan produktiviti, kualiti barang dan perkhidmatan. Ini dapat memberi pulangan kepada sesuatu organisasi supaya kemajuan tersebut dapat memberi kesan yang besar kepada pengguna. Skop aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh sesebuah agensi di Singapura ini bergantung kepada falsafah, dasar dan objektifnya yang tersendiri.

Sehubungan dengan itu, keselamatan dalam negara juga dipentingkan. Ini dapat memberi imej yang baik kepada negara-negara luar. Dalam hal ini, salah satu konsep pertahanan menyeluruh yang diperkenalkan bermatlamat untuk mewujudkan pertahanan rakyat. Pembentukan ini merupakan tanggungjawab masyarakat seluruhnya bagi menyelamat nyawa dan negara mereka sekiranya berlaku kecemasan yang boleh menimbulkan huru-hara. Pertahanan awam ini merupakan satu organisasi yang dilatih untuk memastikan keselamatan sentiasa terjamin. Ini dapat memberi bantuan asas kepada mangsa-mangsa yang terlibat, seperti bantuan makanan, air, minyak, ubat-ubatan dan sebagainya sekiranya berlaku peperangan⁵. Untuk pastikan anggota masyarakat dapat mengikuti program ini, beberapa komuniti tertentu akan dilatih untuk menghadapi situasi ini. Lebih kurang 35,000 penduduk telah mengikuti program kerajaan ini. Antaranya latihan untuk mamadamkan kebakaran, bantuan perubatan kecemasan dan cara-cara mempertahankan diri sendiri

melalui beberapa langkah yang disyorkan. Mereka telah mengikuti beberapa kursus dalam akademi pertahanan awam yang disediakan oleh kerajaan. Pusat ini menyediakan peralatan terkini dan mampu untuk melatih sehingga 1000 pelatih pada satu-satu masa⁶.

Sesuatu yang menarik dalam sistem ini ialah pembinaan *Mass Rapid Transit* yang bukan sahaja sebagai sistem pengangkutan yang termaju, malah juga berfungsi sebagai pusat perlindungan bawah tanah sekiranya berlaku sebarang kecemasan atau peperangan. Begitu juga dengan pembinaan *Public Warning System* yang dilengkapi dengan lebih 200 buah siren kecemasan di seluruh negara. Sistem ini dihubungkan ke Perbadanan Penyiaran Singapura melalui rangkaian radio dan television. Rangkaian ini berperanan untuk menyebarkan maklumat kepada rakyat dan memberi amaran akan bencana yang sedang berlaku. Semua ini bertujuan untuk meningkatkan semangat rakyat Singapura sekirangnya berlaku peperangan secara mengejut⁷. Ini selaras dengan kenyataan Clausewitz yang mengatakan bahawa;

*"The arming of a nation is a great means of defence... awakens a thousand small sources of resistance, which would remain dormant with it... Any nation that uses [people's war] intelligently will, as a rule, gain some superiority over those who disdain its use"*⁸.

Dalam hubungannya dengan negara jiran, Singapura berusaha untuk mengelakkan sebarang konflik yang boleh menjelaskan hubungan baik yang cuba dikekalkan ini. Pertentangan pendapat berdasarkan kepada kepentingan negara sering menjadi masalah utama

dalam konteks negara yang berjiran. Peristiwa seperti masalah hak perairan Selat Melaka, perluasan wilayah seperti tuntutan ke atas Pulau Batu Puteh dan sebagainya ini lebih merujuk kepada masalah antara dua negara. Walaupun begitu, satu peristiwa yang mendapat bantahan keras di kalangan anggota ASEAN, khususnya Malaysia, Indonesia dan Brunei ke atas Singapura ialah peristiwa undangan lawatan Presiden Isreal, Chiam Herzog ke Singapura pada bulan November 1986. Beberapa demonstrasi telah diadakan untuk membantah akan lawatan ini, khususnya di kalangan masyarakat Islam di rantau ini. Ini kerana Malaysia, Indonesia dan Brunei merupakan negara yang paling lantang mengecam pencerobohan dan pembunuhan yang dilakukan oleh Isreal ke atas penduduk Pelestin. Lebih-lebih lagi Malaysia sebagai penyokong kuat kepada pertubuhan *Palestine Liberation Organisation* atau PLO⁹.

Selaras dengan itu, setengah-setengah matlamat, keputusan dan tindakan dasar luar Singapura ini bertujuan untuk memenuhi keperluan sosial yang umum dan untuk memajukan kepentingan dalam negeri. Matlamat dan keputusan dasar luar yang dilakukan oleh kerajaan Singapura seringkali dipatuhi dan dipersetujui tanpa banyak pertanyaan. Dalam banyak keadaan, golongan awam ini hanya akan menunjukkan minat dalam hal ehwal luar negeri apabila berlaku pertelingkahan. Ini berbanding dengan jumlah orang yang akan berbuat demikian apabila wujudnya hubungan diplomatik yang biasa sifatnya¹⁰.

Walaupun begitu, Singapura pernah dikritik kerana telah mengamalkan sistem satu parti. Perkara ini berlaku setelah kemenangan parti PAP dalam pilihanraya umum pada tahun 1968 yang telah memenangi ke semua 58 kerusi dengan 51 daripadanya tidak dipertandingkan¹¹. Namun begitu, semua ini tidak melemahkan semangat pemimpim PAP, malah keputusan rakyat ini telah memberi gambaran bahawa konsep dan falsafah parti PAP akan memberi sumbangan besar kepada Singapura. Masyarakat menganggap ini adalah satu keputusan yang paling bijak pernah mereka lakukan. Lebih-lebih lagi perubahan dalam dunia antarabangsa, seperti keputusan British berundur dari Timur Suez, kemerosotan pengaruh tentera dan ekonomi British, tumpuan British terhadap *European Economic Community* dan keputusan Amerika Syarikat untuk mengurangkan penglibatannya di Indo-China, telah mencerminkan satu perubahan aliran baru di Asia Tenggara. Ini telah memaksa Singapura memperkenalkan konsep *global city*. Singapura telah mengorak langkah agar selaras dengan perubahan dunia antarabangsa.

Nota Akhir

1. Lihat Martin Wight, 1978, **Power Politics**, New York, Holmes & Meier Publishers, Inc., hal. 113.
2. Dipetik daripada Lee Boon Hiok, "Constraints On Singapore's Foreign Policy" dalam *Asian Survey*, Vol. XXII, No. 6, June 1982, hal. 534.
3. Lihat Bilveer Singh, "Singapore's Key Domestic Goals and Aspirations for the 1990's : Convergences and Divergences" dalam Rohana Mahmood and Thangam Ramnath, 1992, **Southeast Asia : The Way Forward**, Kuala Lumpur, Institute of Strategic and International Studies, hal. 59.
4. Ibid., hal. 59.
5. Lihat **Defence of Singapore 1994-1995**, MINDEF Public Affairs, Singapore, Ministry of Defence. hal. 13.
6. Lihat *Asian Defence Journal*, August 1994, hal. 14
7. Ibid., hal. 14.
8. Dipetik daripada Talukder Maniruzzaman, 1982, **The Security of Small States in the Third World**, Canberra, The Strategic and Defence Studies Centre, hal. 61.
9. Lihat Asia Yearbook 1988, dalam *Far Eastern Economic Review*, hal. 224.
10. Lihat K.J. Holsti, **International Politics : A Framework for Analysis**, Engle Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall International, Inc., hal. 415.133.
11. Lihat Pang Cheng Lian, "The Peoples Action Party : 1954-1963" dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. X, No. 1, March 1969, hal. 142.